

Bual Bicara bersama YB SUK Negeri Perlis

Tarikh : 9 April 2020 (Khamis)

Masa : 12.15 Tengahari

Tempat : RTM Perlis

Tajuk : Inisiatif Kerajaan Negeri Perlis Dalam Menangani Kesan Penularan Wabak Covid-19

Soalan 1

Apakah inisiatif utama yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Perlis kepada rakyat di negeri ini?

Jawapan

Kerajaan Negeri telah mengumumkan beberapa inisiatif untuk menangani kesan penularan wabak Covid-19 mula-mula pada 22 Mac 2020 dengan 17 inisiatif sebelum ditambahbaik kepada 21 inisiatif pada 29 mac 2020. Terdapat 21 inisiatif utama yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada kesemua rakyat di negeri ini.

1. PROGRAM AGIHAN MAKANAN ASAS (PAMA) SEPANJANG TEMPOH PKP

Peruntukan sebanyak RM3,500,000.00 disediakan unuk program Agihan Makanan Asas (PAMA) kepada rakyat yang terputus bekalan makanan. Agihan dijalankan melalui semua 15 kawasan DUN di Perlis.

2. PERUNTUKKAN PEMBELIAN SUSU DAN LAMPIN PAKAI BUANG

Peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk penyediaan kemudahan pembelian susu dan lampin pakai buang. Pemberian ini adalah secara tunai sebanyak RM50.00 kepada anak yang berumur tiga (3) tahun ke bawah.

3. PENGECUALIAN SEWAAN GERAI PREMIS KERAJAAN NEGERI, MAIPs, MPK dan PKENPs

- a) Memberikan pengecualian sewaan gerai selama enam (6) bulan mulai Mac 2020 kepada semua penyewa gerai bagi premis di bawah seliaan Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD) dan Bahagian Perumahan (BP) melibatkan tanggungan negeri.
- b) Memberikan pengecualian sewaan gerai selama tiga (3) bulan mulai Mac 2020 kepada semua penyewa bagi premis di bawah seliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).
- c) Memberikan pengecualian sewa sebanyak 50% kepada semua peniaga kecil (gerai/ meja jualan) yang menyewa gerai Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) bagi bulan Mac dan April serta diskaun sewa sebanyak 20% bagi bulan Mei hingga Ogos 2020.

4. PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN RUMAH SEWA MILIK KERAJAAN

Memberikan pengecualian sewaan selama enam (6) bulan bermula Mac 2020 kepada 778 unit PPR dan 142 unit rumah Rancangan Perumahan Kuala Perlis.

5. MORATORIUM BAYARAN SEWA BELI RANCANGAN PERUMAHAN AWAM (RPA)

Memberikan moratorium bayaran sewa beli kepada 305 unit rumah RPA selama enam (6) bulan mulai Mac 2020.

6. SKIM GALAKAN BAYARAN CUKAI TANAH

Melanjutkan Skim Galakan Pembayaran Cukai Tanah dengan rebat 8% bagi tanah kategori Pertanian, 5% bagi tanah kategori

Bangunan dan 3% bagi tanah kategori Industri sehingga 31 Mei 2020 melibatkan 40,000 pemilik tanah.

7. PENGECUALIAN SEWA TAPAK

Memberikan pengecualian sewa tapak bagi pasar malam dan pasar sehari di bawah kelolaan MPK bagi bulan April 2020 ataupun bulan berikutnya setelah tamat PKP melibatkan seramai 2,104 peniaga.

8. BANTUAN PEMASARAN PRODUK PERTANIAN

FAMA melalui Pusat Operasi FAMA akan membantu memasarkan produk pertanian komoditi terpilih termasuk Harumanis secara *online* bagi petani yang menghadapi kesukaran pemasaran dalam tempoh PKP.

9. BANTUAN UNTUK ASNAS OLEH MAIPs

- a) Bantuan khas kecemasan sebanyak RM918,000.00 melalui 102 masjid akan memberi manfaat kepada 8,160 penerima termasuk asnaf sementara.
- b) Bantuan Khas Rangsangan Asnaf sebanyak RM2,939,400.00 kepada 14,697 penerima yang disalurkan ke akaun penerima.

10. BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN

Menangguhkan bayaran balik pinjaman pelajaran di bawah Kerajaan Negeri Perlis bagi tempoh 6 bulan mulai Mac 2020 bagi penerima pinjaman pelajaran.

11. BANTUAN KEBAJIKAN BULANAN

Bayaran bantuan kebajikan bulanan kepada 8,775 orang penerima bantuan JKM di Perlis dipercepatkan sebelum 25

haribulan setiap bulan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,400,000.00 sebulan sepanjang tempoh PKP.

12. BANTUAN KEPADA PESAKIT POSITIF COVID-19

Setiap pesakit positif COVID-19 di Negeri Perlis akan diberikan bantuan *one-off* sebanyak RM1,000.00.

13. WANG TUNAI KEPADA WARIS PESAKIT COVID-19

Setiap keluarga bagi pesakit COVID-19 yang meninggal dunia akan diberikan sumbangan *one-off* RM2,000.00

14. PENYEDIAAN MAKANAN KEPADA PETUGAS

Sebanyak RM520,000.00 disediakan kepada 2,968 orang petugas yang terlibat secara langsung dalam menangani penularan wabak COVID-19.

15. INSENTIF KEPADA *FRONTLINERS*

Sebanyak RM912,000.00 disediakan kepada 3,247 orang petugas yang telah bertugas sepanjang tempoh PKP.

16. BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PELAJAR

Sebanyak RM200,000.00 disediakan kepada 2,000 orang pelajar yang tinggal di asrama pusat pengajian di Perlis sepanjang tempoh PKP.

17. BANTUAN KEPADA KUMPULAN SASAR (KUMPULAN TERMISKIN)

Sebanyak RM3,000,000.00 disediakan untuk kumpulan sasaran yang dikenalpasti.

18. PENGECUALIAN BAYARAN BIL AIR BAGI 20M³ PERTAMA

Memberikan pengecualian bayaran bil air bagi pengguna domestik untuk penggunaan 20m³ pertama. Jumlah akaun yang terlibat adalah 66,735 dengan anggaran RM500,000.00.

19. ELAUN JKKK BAGI BULAN MAC DAN APRIL DIAWALKAN PADA 1 APRIL 2020

20. PETUGAS TAMBAHAN DI PUSAT KHIDMAT

Sebanyak RM100,000.00 disediakan untuk bayaran elaun kepada petugas tambahan di Pusat Khidmat ADUN mulai 18 Mac 2020 sehingga 30 April 2020.

21. PROGRAM TUISYEN ONLINE

Sebanyak RM15,000.00 disediakan untuk Program Tuisyen Online (Subjek Teras) di bawah seliaan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Soalan 2

Bagaimanakah bantuan-bantuan dalam inisiatif ini disalurkan kepada rakyat Perlis?

Jawapan

1. Setiap Pusat Khidmat ADUN akan diberi dana yang akan diputuskan kelak bagi kegunaan dalam tempoh PKP. Dana ini hendaklah digunakan untuk pembelian bahan makanan asas seperti berikut:
 - a) Beras
 - b) Tepung Gandum
 - c) Minyak masak (1 liter)

- d) Gula
- e) Kopi /Teh
- f) Sardin
- g) Biskut
- h) Bihun
- i) Ikan masin / ikan bilis
- j) Telur (30 biji)
- k) Mee Segera

2. Bantuan makanan asas tersebut akan diagihkan melalui semua pusat khidmat ADUN atau pusat-pusat yang telah dikenalpasti.
3. Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD) akan menyalurkan dana dalam bentuk tunai secara berperingkat sepanjang tempoh PKP kepada ADUN.
4. ADUN hendaklah mengemukakan resit pembelian kepada BPD selepas tamat tempoh PKP.
5. Bantuan makanan asas ini boleh diagihkan kepada sesiapa sahaja yang dalam keadaan kesempitan keperluan makanan dan diberi mengikut keperluan.
6. Bantuan ini boleh diambil di di Pusat Khidmat atau dihantar ke lokasi penerima. ADUN kawasan hendaklah menggunakan budi bicara dan pertimbangan agar tidak berlaku perhimpunan ramai semasa mengambil bantuan.
7. Jentera akar umbi sedia ada seperti JKKK hendaklah digunakan bagi tujuan mengesan keluarga yang layak menerima dan membuat pengagihan sewajarnya.
8. Tiada had atas kekerapan pengambilan makanan bergantung kepada budi bicara ADUN Kawasan. Namun begitu kawalan hendaklah dibuat agar pemberian ini tidak disalah guna.
9. Setiap ADUN hendaklah menyediakan laporan perbelanjaan setiap kali peruntukan diterima.

Soalan 3

Bagaimanakah YB membayangkan inisiatif Kerajaan Negeri Perlis ini daripada segi kesesuaiannya?

Jawapan

Seperti yang sedia maklum, pakej ransangan ekonomi dan inisiatif-inisiatif di kalangan negeri adalah berbeza. Saya percaya setiap negeri berusaha untuk memastikan setiap pakej dan inisiatif masing-masing mencapai golongan sasaran tertentu dan dapat menyelesaikan majoriti isu yang dihadapi oleh majoriti rakyat masing-masing.

Kita perlu mengakui bahawa keperluan rakyat di Negeri Perlis adalah mungkin berbeza jika dibandingkan dengan rakyat di Negeri Pulau Pinang ataupun Negeri Selangor. Perkara ini disokong oleh data ekonomi dan KDNK negeri itu sendiri. Walaupun peruntukan ini kecil berbanding negeri-negeri lain, Kerajaan Negeri cuba memastikan ianya mendapat manfaat kepada keseluruhan rakyat.

Oleh yang demikian, terdapat golongan sasaran tertentu khususnya B40 yang mempunyai ramai komposisi di Perlis diberikan perhatian yang lebih jika tuan boleh rujuk semula senarai inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri Perlis bagi menghadapi COVID-19. Kita akan memastikan golongan sasaran ini terbela kebajikannya dalam menghadapi kesulitan pada waktu sekarang.

Jadi Ya. Saya percaya inisiatif-inisiatif ini amat bertepatan dengan keperluan rakyat di Negeri ini.

Soalan 4

Apakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada frontliners yang merupakan benteng utama dalam kita menghadapi covid19 dan pesakit yang dijangkiti covid19?

Jawapan

Frontliners:

Kerajaan Negeri amat berterima kasih atas usaha-usaha pihak *frontliners* yang berkerja keras siang dan malam tanpa jemu bagi memastikan negara kita kekal sihat dan bebas daripada ancaman wabak COVID-19. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk....

PENYEDIAAN MAKANAN KEPADA PETUGAS

Sebanyak RM520,000.00 disediakan kepada 2,968 orang petugas yang terlibat secara langsung dalam menangani penularan wabak COVID-19.

INSENTIF KEPADA *FRONTLINERS*

Sebanyak RM912,000.00 disediakan kepada 3,247 orang petugas yang telah bertugas sepanjang tempoh PKP.

Pesakit COVID-19:

Kerajaan Negeri amat bersimpati dengan nasib yang menimpa pesakit COVID-19 dan juga keluarga pesakit. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan....

BANTUAN KEPADA PESAKIT POSITIF COVID-19

Setiap pesakit positif COVID-19 di Negeri Perlis akan diberikan bantuan *one-off* sebanyak RM1,000.00.

WANG TUNAI KEPADA WARIS PESAKIT COVID-19

Setiap keluarga bagi pesakit COVID-19 yang meninggal dunia akan diberikan sumbangan *one-off* RM2,000.00

Disamping itu, Kerajaan Negeri turut menyumbangkan peralatan seperti khemah, dan kipas untuk kegunaan petugas *frontliners*. Kerajaan Negeri turut menerima sumbangan badan korporat seperti TNB bagi membeli peralatan perubatan dan barangan pakai buang (*konsumable*) bernilai RM1juta yang diuruskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perlis.

Soalan 5

Apakah saranan YB kepada penjawat-penjawat awam dalam mengisi masa lapang ketika PKP ini?

Jawapan

Di sini ingin saya maklumkan bahawa terdapat sebahagian penjawat awam yang bertugas seperti biasa walau pkk dilaksanakan kerana mereka terlibat dengan essential service.

Pada yang tidak perlu berkerja seperti biasa, ambillah masa ini untuk bersama-sama keluarga tercinta. Mempelajari ilmu baru di Youtube, membaca bahan-bahan ilmiah yang dapat membantu peningkatan ilmu dalam diri. Usahakan kawasan sekeliling rumah jika ada. Lakukan satu kali senaman setiap hari bagi memastikan badan kekal cergas dan sihat.

Ingin diingatkan kepada semua agar berhati-hati dalam membuat sebaran maklumat di dalam media sosial. Pastikan maklumat yang ingin disebarkan adalah betul dan tepat. Selidikilah sumber maklumat tersebut bagi mengelak penyebaran berita palsu yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Soalan 6

Apakah harapan YB kepada semua penjawat awam ; yang sebahagiannya terlibat dengan tugas rasmi spt kesihatan, keselamatan dan sebagainya. Begitu juga yang lain sedang bercuti di rumah masing2.

Jawapan

Besarliah harapan saya untuk semua penjawat awam agar terus berkerja dengan keras dikala negara sedang menghadapi bencana yang besar ini. Peranan penjawat awam amatlah penting selaku benteng dan pelaksana dasar-dasar kerajaan dalam memastikan misi utama kita iaitu "Menghalang dan Memutuskan rangkaian penularan Wabak COVID-19" ini tercapai dengan duduk dirumah masing-masing. *Stay at home.*

Jika yang berkemampuan boleh membuat sumbangan kepada tabung-tabung yang diuruskan oleh kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

7. Kesimpulan daripada YB SUK

Jawapan

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa memantau dengan penuh teliti perkara-perkara berkaitan wabak COVID-19 melalui Jawatankuasa di peringkat Negeri melibatkan pelbagai Agensi/Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri meletakkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat pebagai kaum dan lapisan di Negeri Perlis sebagai agenda utama tanpa mengira ideologi politik.

Rakyat diminta bersabar dan patuh kepada arahan kerajaan demi keselamatan diri serta keluarga. Ketepikan sikap mementingkan diri sendiri dan bersatu padu untuk bersama Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

MISI UTAMA kita pada ketika ini ialah:

Menghalang dan Memutuskan Rangkaian Penularan Wabak Covid-19.

Sekian, terima kasih.